

JAWAPAN

BAB 1 Mengenal Sejarah

Bahagian A (Soalan Objektif)

- 1 C 2 A 3 C 4 A
5 B 6 A 7 B 8 B

Bahagian B (Soalan Struktur)

- 1 (a) (i) 100 tahun
(ii) 1000 tahun
(b) Tarikh kelahiran Nabi Isa AS
(c) (i) Berada dalam ketakutan
(ii) Pergerakan terbatas
(iii) Kawalan keselamatan ketat
- 2 (a) (i) Primer (iv) Sekunder
(ii) Sekunder (v) Primer
(iii) Primer (vi) Primer
(b) (i) Gaya bahasa lama yang sukar difahami
(ii) Tiada pendedahan khusus di peringkat sekolah rendah
(iii) Kurang kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap sejarah negara

[Mana-mana dua]

Bahagian C (Penguasaan i-Think)

- 1 Tahun Masihi – Bermula dengan kelahiran Nabi Isa AS
Sebelum Masihi – Tahun sebelum kelahiran Nabi Isa AS
Dekad – Bersamaan 10 tahun
Tahun Hijrah – Tahun Islam yang bermula daripada peristiwa Hijrah Nabi Muhammad SAW dari Mekah ke Madinah (622 Masihi)
- 2 Mengenal asal usul
Mengambil iktibar
Memupuk patriotisme
Mengukuhkan perpaduan
Membangunkan negara dan bangsa
Mengaplikasikan Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

Bahagian D (Sudut KBAT)

- 1 • Sedih melihat mangsa yang tidak berdosa cedera dan terkorban.
• Simpati kerana kemusnahan yang berlaku mengambil masa yang lama untuk dipulihkan.
[Mana-mana satu]
- 2 • Menjadi bukti keberadaan sesuatu pihak seperti pengaruh Hindu-Buddha di Kedah.
• Menjadi tarikan pelancong.
[Mana-mana satu]
- 3 • Penting apabila tiada rekod bertulis yang mencatatkan sesuatu peristiwa.

- Menjadi bukti yang boleh dipercayai kerana orang sumber melihat kejadian atau mendengar daripada orang yang hampir dengannya.

[Mana-mana satu]

- 4 • Fakta yang tidak bias.
• Boleh melihat banyak pandangan daripada pelbagai pihak.
[Mana-mana satu]
- 5 • Proses indoktrinasi mudah dibentuk dalam kalangan kanak-kanak.
• Pengalaman semasa di sekolah rendah boleh mewujudkan sikap toleransi khususnya dalam kalangan pelbagai kaum dan keturunan.

[Mana-mana satu]

Bahagian E (Cari Kata)

I	S	A	V	A	K	S	K	E	
H	F	A	R	G	O	N	O	M	I
I		A	R	T	I	F	A	K	G
S	I	F	A	R	G	I	P	E	O
T			U			D		D	L
O			N			U	I		O
R			E			R			E
I			S		G	B			K
A			C			A			R
S	U	T	O	D	O	R	E	H	A

Bahagian F (Komik Sejarah)

- 1 • Mereka cuba melindungi kelemahan pihak Barat.
• Mereka mengutamakan kegiatan perdagangan daripada menjaga kebajikan penduduk tempatan.

[Mana-mana satu]

Bahagian G (Kajian Kes/Tugasan Kerja Projek)

- 2 (a) Pengenalan (latar belakang Kuala Lumpur)
- Kuala Lumpur mendapat nama daripada perkataan 'kuala berlumpur' yang terletak di antara Sungai Gombak dan Sungai Kelang.
 - Sejarah pembukaan Kuala Lumpur bermula pada tahun 1857 melalui penerokaan bijih timah oleh Raja Abdullah pada ketika itu.
 - Kuala Lumpur juga telah dijadikan pusat pentadbiran pihak Inggeris ketika Tanah Melayu dijajah yang sebelum ini bertempat di Kelang.
 - Pembangunan dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat sehingga Kuala Lumpur dianugerahkan taraf 'bandaraya' pada 1 Februari 1972.

- Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 1974.
 - Kelahiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjadi salah satu titik kejayaan yang amat besar dan dapat memainkan peranan dalam mencorakkan kejayaan negara pada masa hadapan.
- (b) Kegiatan ekonomi di Kuala Lumpur
- Kuala Lumpur pada asalnya mempunyai bentuk muka bumi berhutan paya.
 - Raja Abdullah telah membuka sebuah kawasan perlombongan bijih timah di Lembah Klang dengan dibantu oleh Raja Jumaat dan pelombong Cina.
 - Banyak lombong telah dibuka dan berkembang menjadi sebuah kawasan perdagangan.
- (c) Tokoh yang terlibat dalam memajukan Kuala Lumpur – Abdullah Hukum
- Nama sebenar Abdullah Hukum ialah Muhammad Rukun.
 - Gelaran 'Hukum' dianugerahkan oleh Sultan Selangor pada ketika itu, Sultan Abdul Samad kerana Abdullah Hukum diberi kuasa untuk menghukum orang yang mencuri dan tidak solat Jumaat.
 - Gelaran Abdullah Hukum ialah Ria Jaya. Beliau berasal dari Sungai Abu Kerinchi, jajahan Sungai Penoh, Jambi, Sumatera.
 - Beliau merupakan ketua masyarakat Kuala Lumpur yang dilantik oleh Sultan Selangor ke-4, Sultan Abdul Samad dengan diberi gelaran Tuk Dagang Dianjuk.
 - Abdullah Hukum seorang tokoh yang mempunyai perwatakan seperti yang berikut:
 - Pandai membawa diri
 - Pantang dicabar
 - Panas baran
 - Mempunyai banyak ilmu
 - Abdullah Hukum mempunyai seorang isteri, Zenab binti Saad yang berasal dari Semabok, Melaka.
 - Zenab memiliki ilmu perbidanan dan mampu membantu orang yang mempunyai masalah mendapatkan anak.
 - Mereka dikurniakan enam orang anak, iaitu dua lelaki dan empat perempuan, iaitu Abdul Samad, Mahmud, Saodah, Saayah, Hamidah dan Siti.
 - Abdullah Hukum memiliki sundang (sejenis keris) yang boleh mengeluarkan bau yang menakutkan binatang buas dari jarak setengah batu.
 - Pengalaman hidup Abdullah Hukum ketika kali pertama menjejakkan kaki di Kuala Lumpur memberi impak kepada usaha beliau untuk pembangunan Kuala Lumpur.
 - Beliau mengambil upah menggalas kain daripada seorang saudagar Kerinchi selama lapan hari bagi meneruskan perjalanan ke Sungai Ujong dan seterusnya ke Kuala Lumpur
 - Mengambil upah membina tali air di Setapak dan setelah tiba di Kuala Lumpur beliau bekerja melampan selama tiga tahun
 - Menambah pendapatan melalui perniagaan kerbau dan lembu
 - Usaha Abdullah Hukum untuk pembangunan Kuala Lumpur:
 - Membuka tanah di kawasan Pudu untuk pertanian yang dikenali Bukit Bintang sekarang
 - Membuka kebun Bukit Nenas – kawasan Menara Kuala Lumpur
 - Membuka kawasan Sungai Putih dengan membina jalan raya – Jalan Bangsar sekarang yang terdapat sebuah perkampungan Melayu, iaitu Kampung Haji Abdullah Hukum.
- (e) Rumusan
- Setiap tokoh mempunyai jasa tersendiri yang patut dihargai oleh warga Malaysia.
 - Contoh penghargaan yang telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah dengan membina sebuah Galeri Sejarah Kampung Haji Abdullah Hukum dan Kampung Kerinchi di SMK Seri Pantai yang mengumpulkan segala maklumat berkaitan Abdullah Hukum.
- (f) Rujukan
- Adnan Haji Nawang. (1997). *Kuala Lumpur dari perspektif Haji Abdullah Hukum*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
 - Junaidi Awang Besar. (2014). Kuala Lumpur dan cabaran baru pembangunan berterusan. *Malaysia Journal of Society and Space*, 75–85.
 - Wan Mohd Rahimi Rahim. (2015). Perkembangan dan kemajuan awal Kuala Lumpur. *Dewan Siswa*.
 - Alang Buana. (2014, Januari 5). *Free Malaysia Today News*. Retrieved from <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/01/05/siapa-abdullah-hukum/>
 - Bernama. (2016, September 25). Sejarah Abdullah Hukum terus kekal. Kuala Lumpur: *Berita Harian Online*.

BAB 2 Zaman Air Batu

Bahagian A Soalan Objektif

1 B	2 B	3 B	4 A
5 A	6 D	7 D	8 C

Bahagian B (Soalan Struktur)

- 1 (a) Rupa bentuk fizikal bumi
(b) Iklim
(c) Cuaca (hidupan bumi, kedalaman laut)
- 2 (a) Berbulu tebal
(b) Berbadan besar
(c) Bertaring
- 3 (a) Daratan
(b) Lautan
- 4 Bentuk fizikal
(a) Gemuk
(b) Berkaki empat
Saiz
(a) Besar

- Kulit
 (a) Kulit tebal
 (b) Berbulu
 Habitat
 (a) Darat
 (b) Air
 Makanan
 (a) Daging
 (b) Tumbuh-tumbuhan

Bahagian C (Penguasaan i-Think)

- Tahap Zaman Air Batu
 - Zaman Miosen
 - Zaman Pliosen
 - Zaman Pleistosen
 - Zaman Holosen
- Zaman Air Batu – Kesan Perubahan/Persamaan

Dunia (Perbezaan)	Persamaan	Asia Tenggara (Perbezaan)
Kepupusan haiwan Zaman Plietosen	Kenaikan aras laut	Menjadi tumpuan haiwan mamalia bersaiz besar dan sederhana
Berlaku migrasi manusia dari Benua Afrika ke Benua Eropah	Pembentukan tasik	Membentuk Pentas Sunda
Perubahan iklim dunia daripada terlalu sejuk kepada sederhana sejuk	Perubahan rupa bentuk fizikal bumi	Pembentukan sungai yang mengalir ke tasik dan laut
		Pembentukan Selat Melaka, Teluk Siam dan Laut Jawa

Bahagian D (Sudut KBAT)

- (a)
 - Aktiviti manusia yang tidak terancang seperti penerokaan hutan secara berleluasa.
 - Pencemaran udara akibat asap kilang dan kenderaan.
 - Kemusnahan alam sekitar.

[Mana-mana jawapan yang sesuai]
- (b) Pemanasan global ialah suatu fenomena pemerangkapan gas yang dikenali sebagai gas rumah hijau apabila kumpulan gas karbon dioksida, karbon monoksida, metana dan nitrogen oksida menghalang dan memerangkap haba bumi daripada terbebas keluar ke angkasa. Haba yang semakin banyak terperangkap oleh lapisan gas akan meningkatkan suhu udara secara global. Kesan daripada pemanasan global ini akan menyebabkan gangguan cuaca (perubahan iklim). Suhu yang tinggi akan mencairkan bongkah-bongkah ais di barat Antartika dan membawa kepada peningkatan suhu dan aras laut. Kawasan pantai akan mengalami banjir, hakisan dan kemasukan air masin

ke kawasan air tawar akan mengancam bekalan air bersih. Perubahan cuaca juga akan menyebabkan hidupan di bumi akan berpindah ke habitat baharu. Pemanasan global juga akan menyebabkan air laut menjadi panas dan memberi ancaman kepada hidupan laut. Pemanasan global juga menyebabkan wabak penyakit malaria dan denggi.

[Mana-mana jawapan yang sesuai]

- Pro – Kehidupan manusia semakin maju, kewujudan pelbagai flora dan fauna
- Kontra – Peningkatan suhu bumi, kemusnahan alam
- Pro – Alam tidak akan musnah, tidak berlaku peningkatan aras laut
- Kontra – Proses kehidupan di bumi tidak akan berlaku, tidak wujud benua dan lautan

[Mana-mana jawapan yang sesuai]

Bahagian E (Cari Kata)

A	G	E	O	L	O	G	I		
M		I							D
F		S	F	O	S	I	L	H	I
I		A	H		T		T		N
B		I		O		O			O
I		D	M		L				S
A		A		S		O			A
	M	R					S		U
G	L	A	S	I	E	R		E	R
P	L	E	I	S	T	O	S	E	N

Bahagian F (Komik Sejarah)

- Mendedahkan permukaan bumi
- Menyebabkan pelbagai hidupan liar diancam kepupusan
- Ketiadaan cengkaman akar dan litupan pokok akan melemahkan struktur tanah ketika hujan lebat

Bahagian G (Kajian Kes/Tugasan Kerja Projek)

- (a) Konsep Inap Desa
 - Inap desa ialah rumah orang awam yang menyediakan ruang atau bilik untuk disewakan kepada pelancong.
 - Inap desa bertujuan untuk menambah pendapatan penduduk tempatan seperti orang kampung tradisional.
- (b) Lokasi Inap Desa Dorani
 - Inap Desa Dorani terletak di daerah Sabak Bernam, Selangor, iaitu di Kampung Sungai Haji Dorani.
 - Daerah Sabak Bernam merupakan daerah jelapang padi terbesar di negeri Selangor dengan keluasan kira-kira 2000 meter persegi.
 - Bandar utama di Sabak Bernam ialah Pekan Sabak, Sungai Besar dan Sekinchan.
 - Jarak untuk ke Inap Desa Dorani ialah 90 km dari Shah Alam dan 130 km dari Kuala Lumpur.
- (c) Pengurusan Inap Desa Dorani
 - Inap Desa Dorani merupakan cadangan Tuan Haji Daud kepada Tuan Haji Ahmad bin Jamiran, iaitu

- Ketua Blok atau Ketua Kumpulan Tani setelah beliau mendapati kebanyakan penduduk kampung memiliki saiz rumah yang besar tetapi kurang penghuni.
- Hal ini demikian kerana kebanyakan anak-anak penduduk di desa ini telah berhijrah ke bandar untuk menyambung pelajaran ataupun bekerja.
 - Daripada lapan peserta perintis, kini hanya tinggal empat peserta yang masih kekal, iaitu Tuan Haji Ahmad bin Jamiran, Tuan Haji Abd Manan bin Jasmiran, Tuan Haji Sihani bin Haji Ali dan Puan Munah binti Ahmad.
 - Sehingga tahun 2016, jumlah peserta inap desa telah meningkat kepada 30 peserta yang merangkumi 52 bilik.
- (d) Permasalahan dan Cabaran
Antara permasalahan yang dihadapi ialah:
- Pemilihan rumah dan penglibatan penduduk
 - Rumah perlu mempunyai banyak bilik bagi menjamin kemudahan dan keselesaan tetamu.
 - Kerjasama antara suami isteri dan ahli keluarga lain diperlukan bagi memastikan layanan terbaik dapat diberikan kepada tetamu.
 - Kebimbangan penduduk yang tidak mampu memberi komitmen dan membahagikan masa untuk menyertai sebarang program yang dirancang.
 - Promosi
 - Penyertaan Inap Desa Kampung Sungai Haji Dorani menghadapi banyak masalah, terutamanya untuk menarik kedatangan pelancong dan peserta ke sini.
 - Infrastruktur
 - Keadaan jalan raya yang sempit berbahaya kepada pengunjung-pengunjung yang datang menaiki bas.
 - Keadaan jalan yang sempit menyebabkan kesukaran, terutamanya apabila kenderaan yang dinaiki berselisih dengan kenderaan lain dan untuk membuat pusingan.
 - Komunikasi
 - Bahasa menjadi cabaran besar kepada peserta inap desa untuk berkomunikasi dengan pelawat yang datang, terutamanya dari luar negara yang tidak memahami bahasa Malaysia.
- (e) Kesan Permasalahan yang Timbul
- Kekurangan penyertaan peserta dalam lingkung belia.
 - Kekurangan promosi menyebabkan inap desa ini tidak dikenali umum.
 - Masalah perbezaan budaya pelancong asing dengan adat ketimuran.
 - Jalan raya yang sempit mengganggu ketenteraman penduduk apabila pengunjung yang datang dengan kenderaan besar seperti bas.
 - Persaingan antara Inap Desa Dorani dengan inap desa lain di kawasan lingkungan.
- (f) Langkah-langkah Mengatasi
- Pemilihan rumah dan penglibatan penduduk
 - Peserta inap desa tidak pernah mempunyai
- rekod polis, mendapat persetujuan ahli keluarga dan tidak menghadapi sebarang masalah sosial.
- Setiap peserta juga diwajibkan mengikut kursus asas inap desa selama satu minggu.
- Promosi
 - Promosi dilaksanakan melalui media massa, sama ada bercetak dan juga elektronik.
 - Maklumat tentang Inap Desa Haji Dorani boleh didapati melalui laman sesawang.
 - Promosi diadakan semasa MATTA Fair.
 - Infrastruktur
 - Menyediakan tempat parkir bas yang luas dan selesa.
 - Komunikasi
 - Penduduk menjalani kursus bahasa yang disediakan sehingga penduduk tempatan boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dengan pelancong asing.
- (g) Rumusan
- Pelbagai aktiviti boleh diperbaiki dari semasa ke semasa, ditambah dan dijalankan bagi menarik minat para pengunjung, sama ada dari dalam atau luar negara.
 - Inap Desa Kampung Sungai Haji Dorani boleh dikembangkan lagi pengaruhnya di seluruh negara, amnya dan di negeri Selangor khususnya.
 - Inap Desa Sungai Haji Dorani menjadi pemangkin menjana ekonomi penduduk setempat dan memakmurkan ekonomi negara di samping menjadi sebutan pelancong sebagai salah satu daripada destinasi pelancongan mereka.
- (h) Rujukan
- Badaruddin Mohamed. (2009). *Pelancongan Lestari*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
 - Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. (1997). *Pelan Ekopelancongan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia
 - Mahdi Shuid, Azim Normaza Ahmad dan Zawiah Bahrom. (2010). *Dorani Homestay daripada Perspektif Ekonomi dan Sosiobudaya*. Selangor: Penerbitan Multimedia
 - Rosnah Haji Salleh, Shukri Sulaiman dan Che Zainon Shafie. (2007). *Geografi Fizikal Teks dan Rujukan*. Shah Alam: Arah Pendidikan

BAB 3 Zaman Prasejarah

Bahagian A (Soalan Objektif)

1 C	2 D	3 C	4 D
5 A	6 A	7 B	8 D

Bahagian B (Soalan Struktur)

- 1 (a) Zaman Paleolitik
(b) Zaman Mesolitik
(c) Zaman Neolitik
- 2 (a) Kawasan terdedah seperti di lembah sungai
(b) Kawasan tertutup seperti dalam gua
- 3 (a) Gua Chauvet, Altamira, Catal Huyuk, Stonehenge, Bhimbetka, Zhoukoudian, Shahr-i-Sokhta

- (b) Ban Chiang – penemuan peralatan logam dan tembikar
- (c) Lenggong – penemuan rangka Perak Man
- (d) Gua Liang Bua – penemuan Flores Man, fosil
- (e) Gua Padah-lin – penemuan tapak petempatan
- (f) Sa Hyun – penemuan tapak pembuatan besi
- (g) Gua Tabon – penemuan rangka manusia

[*Mana-mana tiga*]

- 4 (a) Tempat kediaman, peralatan, pengumpulan makanan, kegiatan ekonomi, organisasi sosial, kepercayaan, kesenian dan kebudayaan
- (b) Rajin – mencari sumber makanan agar tidak kelaparan
- (c) Kreatif – mencipta pelbagai jenis peralatan untuk memudahkan kehidupan harian
- (d) Bijak – tahu bercucuk tanam dan menternak haiwan untuk kegunaan jangka masa yang panjang
- (e) Bersyukur – menggunakan sumber alam secara berhemah agar khazanah alam tidak musnah
- (f) Berdikari – tidak bergantung kepada orang lain menyebabkan mereka hidup aman dan damai.

[*Mana-mana empat*]

- 5 (a) Tingkayu, Sabah
- (b) Gua Madai, Sabah
- (c) Sungai Tembeling, Pahang
- (d) Lembah Bernam, Selangor

Bahagian C (Penguasaan i-Think)

1 Peta Pelbagai Alir

Perubahan	Kesan
Membina rumah sebagai tempat kediaman	Manusia mula hidup menetap di sesebuah kawasan
Mencipta pelbagai peralatan yang halus dibuat daripada logam dan besi	Memudahkan kehidupan seharian dan meningkatkan produktiviti
Perubahan dalam kegiatan harian daripada berburu kepada menternak dan bertani	Sumber atau bekalan makan tidak akan terputus
Aktiviti perdagangan yang dikenali sebagai sistem barter	Membolehkan masyarakat memperoleh barang-barang keperluan dengan lebih mudah
Pembentukan organisasi sosial masyarakat	Kehidupan masyarakat lebih tersusun dan sistematik di bawah pimpinan seorang ketua
Masyarakat mula mengamalkan pelbagai amalan dan kepercayaan	<ul style="list-style-type: none"> • Terhasilnya pelbagai binaan ritual yang unik • Pengurusan mayat lebih sistematik
Menghasilkan kesenian dan kebudayaan bermutu tinggi	Setiap peralatan yang dicipta disertakan dengan hiasan yang berestetika tinggi

- 2 • Pengebumian memanjang
- Pengebumian keranda kayu
- Pengebumian melentur
- Pengebumian perahu
- Kubur kepingan batu

Bahagian D (Sudut KBAT)

- 1 Ciri fizikal peralatan seperti bentuk, kualiti dan bahan yang digunakan untuk membuat alatan tersebut dapat menentukan tahap Zaman Prasejarah.
- 2 Membuat ukiran pada dinding gua dan batu, menggambarkan idea melalui lakaran dan lukisan.
- 3 Mewujudkan rasa taat setia kepada pemimpin, sistem pentadbiran lebih teratur dan sistematik, mewujudkan semangat bersatu padu, kehidupan masyarakat lebih maju, aman dan makmur.
- 4 • Peralatan – mencipta peralatan yang lebih canggih dan pelbagai guna
- Tempat tinggal – membina tempat kediaman yang lebih baik dan selesa
- Organisasi sosial – sistem pentadbiran negara lebih tersusun dan sistematik
- Kegiatan/Aktiviti – hasil pertanian dan penternakan diimport ke luar negara untuk meningkatkan ekonomi negara.

(*Mana-mana jawapan lain yang sesuai*)

Bahagian E (Cari Kata)

H	O	A	B	I	N	H	I	A	N
L			H	D				N	E
E			I	E			A	E	O
N		A	M	O		I	A	M	L
G		K	B	F	N		G	U	I
G		E	E	A			A	N	T
O		L	T	K			B	O	I
N		R	K	I	N	A	M	M	K
G	E	I	A				E		
P		N					T		

Bahagian F (Komik Sejarah)

- Gigih meneruskan kehidupan walaupun dalam keadaan serba kekurangan
- Berdikari dan berusaha memenuhi keperluan kehidupan mereka
- Kreatif mencipta peralatan yang boleh memudahkan kehidupan mereka

Bahagian G (Kajian Kes/Tugasan Kerja Projek)

- 3 (a) Pengenalan lokasi
- Nama Lembah Bujang merujuk kepada perkataan Sanskrit yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha, iaitu nama pangkal “Bujang” atau “Bhujangga” yang bermaksud ular atau naga yang melambangkan kemakmuran sesuatu tempat.
 - Perkataan “Bhujangga” diambil daripada perkataan asal, iaitu “Phujangga” yang membawa maksud golongan cerdik pandai atau “Brahmin” di dalam sistem kasta Hindu.

- Lembah Bujang merupakan salah satu tempat bersejarah yang terkenal di Malaysia kerana mempunyai pelbagai khazanah tinggalan masa lalu.
 - Kemakmuran di Lembah Bujang telah menarik minat ramai pedagang, terutama daripada India, China dan Arab untuk singgah di sini.
- (b) Bentuk muka bumi Lembah Bujang
- Kedudukan Lembah Bujang merangkumi kawasan seluas 144 batu persegi dengan pembatasan Bukit Choras di bahagian Utara, Sungai Muda di bahagian Selatan, Selat Melaka di bahagian Timur dan Lebuh raya Utara-Selatan di bahagian Barat.
 - Kedudukan ini dianggap strategik kerana amat sesuai dijadikan destinasi bersejarah.
- (c) Senarai tinggalan sejarah di Lembah Bujang
- Di sekitar Lembah Bujang, sejumlah 41 buah tapak arkeologi atau Tapak Tanah Bersejarah telah dikenal pasti seperti struktur atau jumpaan artifak sama ada berkaitan dengan perdagangan atau yang berkaitan dengan artifak keagamaan atau struktur bangunan candi.
 - Artifak perdagangan terdiri daripada pecahan seramik tembikar tanah, tembikar batu, porselin, kaca, manik serta peralatan yang digunakan oleh masyarakat kuno.
 - Artifak keagamaan pula terdiri daripada candi, patung-patung dan arca.
 - Kebanyakan barang-barang yang ditemui ini diperbuat daripada tanah liat.
 - Bahan binaan untuk candi pula terdiri daripada batu bata, batu sungai, mineral laterit dan batu granit.
 - Antara candi yang terkenal ialah Candi Bukit Batu Pahat (Tapak 8), Candi Kampung Pangkalan Bujang (Tapak 19,21 dan 22), Candi Estet Sungai Batu (tapak 5 dan 11/3), Candi Kampung Pendi (Tapak 16), Candi Kampung Permatang Pasir (Tapak 31) dan Candi Kampung Bendang Dalam (Tapak 50).
 - Candi-candi ini menjadi bukti bahawa Lembah Bujang pernah menjadi pusat penyebaran agama Hindu suatu ketika dahulu.
- (d) Keistimewaan Lembah Bujang
- Lembah Bujang terkenal dengan tinggalan sejarah di tapak arkeologi atau cari gali seperti runtuh candi, struktur bandar dan pelabuhan terpendam, ratusan ribu pecahan seramik, kaca dan manik dari China, Asia Barat atau Tanah Arab serta dari India, patung-patung dan arca, batu bersurat serta peralatan yang berkaitan dengan kehidupan masyarakat kuno.
 - Penemuan semula artifak sejarah ini telah membuktikan bahawa telah wujud sebuah petempatan dan kerajaan pada masa lampau di Lembah Bujang.
- (e) Langkah-langkah pemeliharaan dan pemuliharaan Lembah Bujang
- Mempamerkan peninggalan artifak di muzium.
 - Menyediakan ruang dan peluang kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan.
 - Menjadikan kawasan Lembah Bujang sebagai muzium.
 - Menyediakan kemudahan prasarana kepada pelancong asing seperti tempat penginapan dan pengangkutan.
- (f) Rumusan
- Lembah Bujang mempunyai ribuan bahan penyelidikan yang memberi peluang kepada para penyelidik yang berminat membuat kajian tentang perdagangan dan peradaban manusia.
 - Koleksi arkeologi yang terdapat di Lembah Bujang membuktikan Lembah Bujang sebagai pusat perdagangan utama di Asia Tenggara pada kurun ke-3 hingga ke-14 Masihi. Bahan dagangan yang dibawa oleh pedagang dari Arab, China, India dan pedagang-pedagang maritim tempatan di Kepulauan Melayu ialah seperti seramik, manik-manik kaca dan rempah ratus.
- (g) Rujukan
- Mohd Supian Sabtu. (2002). *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 - Nik Hassan Shuhaimi dan Othman Mohd Yatim. (1992). *Warisan Lembah Bujang*. Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia dengan kerjasama Jabatan Muzium dan Antikuiti, Universiti Kebangsaan Malaysia.
 - Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2006). *Kepentingan Arkeologi Dalam Kerja Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah. Kursus Konservasi Monumen Dan Tapak Tanah Bersejarah*. Pulau Pinang: Jabatan Warisan Negara.
 - Siti Norhaliza Harun. (2004). *Amalan Kerja Pemuliharaan Bangunan Bersejarah di Malaysia*. Tesis Ph.D. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

BAB 4 Mengenali Tamadun

Bahagian A (Soalan Objektif)

1 C	2 C	3 C	4 A
5 B	6 A	7 C	8 D

Bahagian B (Soalan Struktur)

- 1 (a) Muqaddimah
 (b) (i) Umran
 (ii) Hadharah
 (c) (i) Pembangunan lahiriah tidak lengkap tanpa pembangunan rohaniah.
 (ii) Unsur moral menjadi tonggak pembangunan dalam masyarakat.
- 2 (a) (i) Pekerjaan
 (ii) Kekayaan
 (iii) Pengaruh
- (b) (i) Hamba perang
 (ii) Hamba yang dijual

[Mana-mana dua]

- (c) (i) Pendidikan
- (ii) Kemahiran
- (iii) Kreativiti dan inovasi

[Mana-mana dua]

Bahagian C (Penguasaan i-Think)

- 1 (a) *Civitas* – Bermaksud bandar atau kota
 - (b) *Civilisation* – Tahap pembangunan manusia dan organisasi yang dianggap paling maju.
 - (c) (i) *Mudun, madain* dan *madana* – Bermaksud tinggi budi bahasa dan pembukaan bandar
 - (ii) *Hadharah* – Bermaksud kawasan, daerah atau bandar
 - (iii) *Hadari* – Bermaksud tanah atau rumah yang didiami oleh masyarakat
- 2 Mesopotamia – Taman Tergantung Babylon
 - Indus – Bandar Mohenjo-Daro
 - Mesir Purba – Piramid dan Sfinks

Bahagian D (Sudut KBAT)

- 1
 - Di bandar bermulanya kehidupan yang kompleks.
 - Perkembangan bandar melambangkan kemajuan.
- 2
 - Sudah menjadi naluri manusia untuk berasa bangga kepada kaumnya.
 - Hampir semua orang mempunyai motivasi yang tinggi untuk membangunkan bangsa sendiri.
- 3
 - Seni bina yang mengagumkan dapat dihargai dan diingati oleh generasi akan datang.
 - Sesuatu binaan itu memerlukan kemahiran yang tinggi seperti sistem ukuran, ukiran dan sebagainya.
- 4
 - Pemerintah menjadi tonggak utama kejayaan sesebuah tamadun.
 - Pemimpin yang tidak berminat dalam hal pemerintahan akan menyebabkan tamadun itu merosot.
 - Pemimpin perlu ada wawasan untuk memajukan tamadun.
- 5
 - Pembinaan bandar yang sistematik.
 - Menjadi pusat pentadbiran yang lengkap.
 - Mempunyai prasarana yang lengkap seperti pusat riadah.

[Mana-mana satu]

Bahagian E (Cari Kata)

	E	U	P	H	R	A	T	E	S
N	F	A	R	G	O	T	K	I	P
E	U					P	S	R	N
E		A				E	A	A	A
B			R		R	N	T	D	S
N				I		D	I	A	I
Y			Z		F	E	V	H	T
O		A				T	I		R
T	W					A	C		A
H	A	M	I	D	A	Q	Q	U	M

Bahagian F (Komik Sejarah)

- 1
 - Mereka percaya bahawa alam sekitar mempunyai semangat yang mesti disembah dan dihormati untuk menjaga keamanan dan kemakmuran hidup.

- Mereka juga percaya bahawa alam sekeliling dikuasai oleh kuasa ghaib.

[Mana-mana satu]

Bahagian G (Kajian Kes/Tugasan Kerja Projek)

- 3 (a) Pengenalan
 - Kemunculan Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai anugerah daripada Sungai Nil yang mengalir dari utara hingga ke laut Mediterranean. Tamadun Mesir Purba dikatakan lahir di tebing sungai ini. Tamadun Mesir Purba diperintah oleh fraun.
 - Sungai Nil berpunca daripada dua anak sungai, iaitu anak Sungai Nil Biru yang bermula daripada tanah tinggi di Ethiopia dan Sungai Nil Putih yang bermula dari Tasik Victoria di Uganda.
 - Limpahan air Sungai Nil ini mengalir ke tanah gersang dan padang pasir telah menukar bentuk muka bumi Mesir menjadi subur.
 - Hal ini kerana, Sungai Nil yang membanjiri Mesir setiap tahun telah membawa lumpur berwarna hitam atau dikenali juga sebagai tanah lanar, membentuk sebuah delta yang subur untuk aktiviti pertanian dan petempatan manusia.
- (b) Peranan dan Sumbangan Sungai Nil
 - Mesir banyak bergantung kepada “Hadiah Sungai Nil” kerana sebahagian besar bentuk muka buminya ialah padang pasir yang tidak produktif untuk kegiatan pertanian.
 - Antara tanaman utama yang diusahakan untuk pertanian dalam Tamadun Mesir Purba ini ialah tanaman bijirin seperti gandum dan barli yang telah menggantikan aktiviti penduduk sebelum itu seperti pemburu, pengail, dan pengumpul peralatan batu.
 - Kegemilangan Tamadun Mesir Purba bergantung kepada pengawalan air Sungai Nil. Kawasan yang jauh daripada sungai Nil, telah dibina empangan untuk mengairi kawasan tanah pertanian seluas 10 000 hektar.
 - Di samping itu, penggunaan alat-alat logam membolehkan orang Mesir membina sistem perparitan dan pengairan yang baik untuk pertanian.
 - Masyarakat yang mendiami lembah ini telah membina peralatan kawalan air dan terusan untuk meningkatkan kesuburan tanah dan seterusnya memajukan pertanian.
- (c)
 - Sungai Nil telah banyak menyumbang jasa kepada masyarakat Mesir, terutamanya dalam memajukan aktiviti masyarakat Mesir. Munculnya beberapa buah kota hasil kemajuan bidang pertanian seperti kota Abydos, Thinis dan Sais.
 - Tamadun Mesir Purba telah menjadikan Sungai Nil sebagai pengangkutan air yang terpenting dalam aktiviti perdagangan. Keadaan Sungai Nil yang lebar dan dalam itu telah membolehkan kapal-kapal menyusuri dan berlabuh di pelabuhan seperti Thebes, Memphis, Fayoum dan Heliopolis.

- Hasil eksport utama Tamadun Mesir Purba ialah kertas dan tekstil dan aktiviti ekonomi lain yang dijalankan ialah perlombongan emas di Nubia. Tekstil yang dihasilkan pula ialah hasil daripada aktiviti tenunan yang telah berkembang maju hasil daripada wujudnya pengkhususan kerja.
- Pembuatan kertas yang dieksport, juga hasil daripada kesuburan di lembah Sungai Nil. Pokok papyrus yang tumbuh subur di sepanjang lembah Sungai Nil telah dimanfaatkan oleh masyarakat Mesir untuk menghasilkan kertas.
- Penciptaan kertas ini telah memudahkan kerja penyimpanan rekod yang selama ini bergantung kepada kepingan batu bata dengan menggunakan tulisan hieroglif.
- Selain itu, penghasilan kertas juga telah memberi peluang baharu dalam mengembangkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat Mesir Purba dalam bidang pendidikan.

(d) Rumusan

Petempatan kekal yang muncul di sepanjang lembah Sungai Nil berkembang menjadi perkampungan. Gabungan kampung-kampung telah mewujudkan beberapa buah bandar yang kemudiannya bergabung dan membentuk sebuah nome atau daerah. Kesemua nome ini disatukan dengan bandar-bandarnya seperti Memphis dan Thebes menjadi pusat pentadbiran. Keadaan ini berpunca daripada kesuburan Sungai Nil yang melimpahi muka bumi Mesir.

(e) Rujukan

- Heidi Hayes Jacobs, & Michal L. LeVasseur. (2005). *Prentice Hall History Of Our World*. New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Mahdi Shuid. (2016). *Ketamadunan Manusia*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn.Bhd.
- Mahdi Shuid, & Noor Azma Seman. (2014). *Rujukan Lengkap: Sejarah Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Mahdi Shuid, & Saliza Saad. (2011). *Longman Tekst Pra-U STPM Tamadun Dunia*. Selangor Darul Ehsan: Pearson Malaysia Sdn Bhd.

BAB 5 Tamadun Awal Dunia

Bahagian A (Soalan Objektif)

- 1 D 2 B 3 A 4 A
5 B 6 C 7 D 8 A

Bahagian B (Soalan Struktur)

- 1 (a) (i) Mohenjo-Daro
(ii) Harappa
(b) Mesopotamia
(c) • Menjual barangan dengan harga yang lebih tinggi.
• Melihat budaya masyarakat luar.
[Mana-mana satu]
- 2 (a) Raja
(b) Perdagangan
(c) (i) Keadaan politik tidak stabil

- (ii) Kadar jenayah akan meningkat
(iii) Kehidupan masyarakat tidak terurus
(iv) Banyak anggota masyarakat menjadi mangsa ketidakadilan

Bahagian C (Penguasaan i-Think)

- 1 • Mudah mendapatkan bekalan air untuk tanaman dan keperluan harian.
• Sesuai untuk membina petempatan.
• Menjadi alat perhubungan.
• Mendapat bekalan makanan seperti ikan.
- 2 (a) Mempunyai perancangan yang rapi
(b) Teliti dalam pekerjaan
(c) Menyumbang kepada kerja-kerja yang mengharumkan nama negara
(d) Mempunyai tenaga mahir yang ramai

Bahagian D (Sudut KBAT)

- 1 (a) Bersih dan cantik
(b) Banyak kemudahan seperti taman rekreasi
(c) Gabungan bangunan yang moden dan tradisional
(d) Semua warga kota bertanggungjawab ke atas bandar mereka

[Mana-mana tiga]

- 2 (a) Menimbulkan masalah pembesaran bandar
(b) Timbul masalah kesesakan jalan raya
(c) Penempatan yang tidak sistematik
(d) Masalah banjir dan bekalan elektrik

[Mana-mana dua]

- 3 (a) Mampu menangani masalah banjir
(b) Boleh menjadi tempat pelancongan jika dipelihara
(c) Menjejaskan kesihatan penduduk sekiranya tercemar
- 4 (a) Sentiasa memeriksa tahap pencemaran air
(b) Menguatkuasakan undang-undang kepada pihak yang mencemarkan sungai
(c) Wujudkan pihak yang khusus menjaga sungai
- 5 (a) Seni bina – Taj Mahal di India
(b) Kesusasteraan – Ramayana dan Mahabharata – epik terkenal dari India

Bahagian E (Cari Kata)

H	A	M	M	U	R	A	B	I	
			A	R	Y	A	N		Z
S	F	I	N	K	S	O			I
E					L				G
S				Y					U
M			B						R
A		A	P	P	A	R	A	H	A
R	B								T
		P	A	P	I	R	U	S	
M	R	O	F	I	E	N	U	K	

Bahagian F (Komik Sejarah)

- 1 Bencana alam sering berlaku seperti banjir, musim kering dan serangan serangga terhadap tanaman. Mereka percaya bahawa jika berlaku bencana alam bermakna Tuhan telah marah dan pemerintah perlu digulingkan.

Bahagian G (Kajian Kes/Tugasan Kerja Projek)

2 (a) Pengenalan Tamadun Mesir Purba

- Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai anugerah daripada Sungai Nil yang mengalir dari bahagian utara Mesir ke Laut Mediterranean.
- Sungai Nil berpunca daripada dua anak sungai, iaitu Sungai Nil Biru dan Sungai Nil Putih.
- Tanah lanar telah membentuk sebuah delta yang subur untuk pertanian dan petempatan manusia.
- Tamadun ini dapat dibahagikan kepada empat tahap, iaitu zaman awal, zaman pertengahan, zaman empayar dan zaman keruntuhan.
- Selepas mengalami zaman kegemilangan pada zaman Empayar, Tamadun Mesir Purba telah mengalami kejatuhan apabila pemerintahan dikuasai oleh orang asing seperti Libya, Kush, Assyria, Parsi dan Yunani.
- Manusia telah mendiami Sungai Nil dan mencapai tahap kebudayaan gangsa pada Zaman Logam.
- Penggunaan alat logam membolehkan mereka membina sistem perparitan dan pengairan yang baik untuk pertanian.

(b) Sumbangan Tamadun Mesir Purba

- Sumbangan utama Tamadun Mesir Purba ialah dalam bidang seni bina, iaitu piramid.
- Pembinaan piramid bermula daripada ilham Imhotep, iaitu seorang saintis, ahli fizik, arkitek, dan penasihat penting kepada Firaun Djoser (3150 SM).
- Beliau telah memperkenalkan teknik pembinaan bangunan dengan menggunakan batu bata.
- Beliau juga merupakan pengamal ilmu perubatan dan pengarang buku sains dan sastera.
- Pembinaan piramid menggambarkan kreativiti masyarakat Mesir Purba dalam bidang pembinaan.
- Pembinaan piramid Sakkara merupakan sumbangan terbesar Imhotep dan piramid ini merupakan piramid yang tertua dibina untuk Firaun Djoser.

(c) Binaan piramid

- Bangunan berbentuk piramid telah dibina oleh banyak kebudayaan silam.
- Bangunan piramid yang terkemuka ialah di Mesir silam, iaitu piramid yang diperbuat daripada batu padu dan berfungsi sebagai makam firaun.
- Piramid Mesir pertama dibina pada Zaman Kerajaan Lama oleh arkitek Imhotep untuk Raja Djoser (2650 SM).
- Piramid yang paling terkenal ialah di Giza, iaitu Piramid Besar Kufu, yang menjadi salah satu daripada tujuh benda ajaib di dunia.
- Piramid ini siap dibina pada tahun 2600 SM, mengambil masa selama 20 tahun, mengandungi 2 juta batu blok yang setiap satunya seberat 1 tan dan tapaknya pula seluas 13 ekar (5 hektar) dan tingginya 482 kaki.
- Piramid Mesir mempunyai permukaan batu kapur yang licin dan sudah tentunya kelihatan hebat ketika siap dibina.

